

**TEKS UCAPAN**  
**BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**NAIB CANSELOR UniMAP**  
**SEMPENA**  
**MAJLIS PERASMIAN BENGKEL PERANCANGAN**  
**STRATEGIK PEJABAT NAIB CANSELOR DAN POKK**  
**DI HATYAI THAILAND**  
**PADA 22 JANUARI 2009**

---

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh , Salam  
Sejahtera dan Salam Satu Malaysia.

Yg Berusaha Dr. Hazry Desa, Dekan Pusat Kemahiran,  
Komunikasi dan Keusahawanan.

Yg Berusaha Encik Abdul Aziz Mahmudin, Pengarah Pusat  
Pembangunan Korporat dan Pengurusan Kualiti.

Yg. Berusaha Dr Syaharom Abdullah, Pengerusi Rancangan  
Bahasa, Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan.

Yang Berusaha, Encik Zuber Haji Mohamad, Ketua Penolong Pendaftar Jabatan Canselori Pejabat Naib Canselor.

Pengerusi-Pengerusi Rancangan, Pensyarah-Pensyarah seterusnya staf Jabatan Canselori dan PKKK yang saya kasihi sekalian.

Selamat Malam, Good Evening, Wan Shang Hao, Malai Vanakkam, Magandang Gabi (Tagalog) , Ratreew Sawad (Bahasa Thai).

Pertamanya saya ingin merafa'kan setinggi-tinggi syukur kepada Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dipertemukan kita di dalam "Bengkel Perancangan Strategik Pejabat Naib Canselor dan Penggubalan Kurikulum Bahasa PKKK" di Hatyai ini.

Sesungguhnya, penganjuran bengkel seumpama ini diharap dapat menerapkan lagi kefahaman dikalangan warga Pejabat Naib Canselor dan PKKK UniMAP dalam merencana hala tuju dan matlamat jabatan masing-masing ke arah kecemerlangan.

Menggunung harapan saya agar saudara-saudari dapat menjadikan penganjuran bengkel ini sebagai sesuatu yang bermakna. Satu medan yang berusaha memberikan gambaran

tentang tuntutan semasa, hala tuju tercita, dan matlamat bersama dalam melayari tahun 2010 ini.

Dan besarlah impian saya agar bengkel ini juga dapat dijadikan landasan untuk kita lebih maju ke hadapan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Kemunculan tahun 2010 memberi sinar harapan baru pada kita. Pertumbuhan ekonomi dunia dijangka kembali pulih pada kadar 3.1 peratus dari kelembapan tahun 2009 iaitu - 1.1 peratus, kadar terendah untuk tempoh pasca Perang Dunia Kedua.

Dalam jarak 10 tahun, selepas krisis ekonomi Asia Timur 1997/98, wawasan Malaysia untuk menjadi sebuah ekonomi berpendapatan tinggi dan maju pada tahun 2020 (Wawasan 2020) sekali lagi diuji. Kelembapan ekonomi global merencat eksport Malaysia dan kesan rantaian atas permintaan dan pelaburan domestik menggandakan lagi tempiasnya atas ekonomi negara.

Namun kini, sinar harapan sudah kelihatan. Bank Dunia meramalkan ekonomi negara di jangka tumbuh pada kadar 4.1 peratus pada tahun 2010 dan kerajaan **MENETAPKAN SASARAN** untuk mencapai lebih dari itu.

Alhamdulillah, kita amat bersyukur dengan petanda ini tetapi kita jangan terleka dibuai dengan putik-putik awal pemulihan ekonomi global ini. Masih ada tugas besar yang belum kita selesaikan.

Perjalanan kita masih jauh. Kitalah yang memikul tanggungjawab untuk sama-sama berusaha untuk memastikan krisis yang merantai kita ini dihapuskan. Pada masa dan ketika ini, kita tidak seharusnya terus berpeluk tubuh dan berdiam diri.

Langkah demi langkah harus kita atur untuk memastikan kejayaan dan kegemilangan menjadi milik kita bersama dan apa yang utama kini ialah **MENETAPKAN** hala tuju dan **SASARAN** kita agar kita mampu melangkah dengan **GAGAH** serta tidak goyah di pertengahan jalan.

Hadirin dan hadirat sekalian.

Pepatah Inggeris ada menyatakan: To achieve success, we must also know how to convert ideas to things and also to concentrate, stay focus and make full use of our time. Inilah sebenarnya yang sedang dan akan kita laksanakan pada bengkel ini.

Kita merencanakan sesuatu (idea) dan idea itu akan kita transformasikan kepada usaha dan kerja yang akhirnya akan

mendorong ke arah pencapaian matlamat dan sasaran yang telah kita tetapkan. Saya tidak mahu lagi ada budaya selesa dan **BIARKAN SAHAJA** di UniMAP.

Apa yang saya inginkan kini ialah : **WHAT GETS MEASURED, GETS DONE**– Apa sahaja **PENGUKUR** yang kita **TETAPKAN** haruslah kita **CAPAI**. Bukan lagi sekadar anganan dan impian atau mimpi di siang hari.

Kita harus berfungsi umpama sebuah perniagaan atau organisasi korporat. Setiap unit atau PTJ harus mengemukakan laporan pencapaian masing-masing setiap hujung tahun mengikut format yang telah ditetapkan oleh PUSPEK dibawah pengurusan En Abdul Aziz Mahmudin.

Jika organisasi korporat memiliki buku Laporan Tahunan yang dikeluarkan setiap tahun, kita di UniMAP juga harus menerbitkannya. Ini penting untuk kita mengukur prestasi kita sama ada berjaya atau kandas dalam mencapai sasaran dan objektif yang telah ditetapkan sebelum membetulkannya dalam perancangan untuk tahun yang akan datang.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Kerajaan Malaysia di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak menetapkan tema :

## **1 MALAYSIA - Rakyat didahulukan, PENCAPAIAN diutamakan.**

Dan dalam tema itu sendiri telah menekankan perkataan **PENCAPAIAN** yang berkait rapat dengan apa yang sedang kita jalankan di sini.

Bagaimana untuk kita tahu **PENCAPAIAN** yang telah kita raih jika tiada kayu pengukuranya?? Maka atas sebab itulah UniMAP telah mewujudkan Peta Strategik yang mengandungi Objektif Strategik dan Pengukur Prestasi **KHUSUS** untuk mengukur Pencapaian kita.

Besarliah harapan saya agar kita semua lebih fokus pada tahun 2010 ini – yakni dalam melaksanakan perancangan strategik ini dengan lebih konsisten.

Tidak kiralah besar atau kecil sumbangan dan peranan yang anda mainkan, ianya penting dalam memastikan **PENCAPAIAN UniMAP** berada di tahap yang membanggakan.

Hadirin dan hadirat sekalian.

Saya tidak mahu lagi melihat kita bersifat lepas tangan dalam melaksanakan perancangan ini. Semuanya harus didokumentasikan dengan tersusun dan kemas.

Hentikan budaya **MENGAKU ADANYA PERANCANGAN** yang seringkali menjadi sebutan bibir sahaja **SEBALIKNYA** tunjukkan **ADanya PERANCANGAN** itu dengan bukti-bukti yang kukuh. Semuanya perlu ada **BLACK and WHITE**.

Perancangan strategik ini bukanlah sesuatu yang seharusnya membebankan kita, sebaliknya dengan adanya perancangan strategik ini ia secara tidak langsung akan menjadi panduan untuk kita melaksanakan tugas seharian seterusnya mencapai objektif yang telah ditetapkan oleh pengurusan tertinggi universiti.

Masih jauh jalan yang harus kita tempuh sebelum tiba ke penghujung tahun, justeru perancangan inilah yang bakal menentukan sama ada kita bakal melalui satu perjalanan yang lurus, atau terhenti selepas menemui jalan buntu.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Izinkan saya meneruskan ucapan dalam Bahasa Inggeris.

Education is a key priority for Malaysia's Vision 2020 program. It is one of the ambitious government plans to transform the society into a globally competitive knowledge-based society within the next decade and one of the main concerns is language.

In its endeavor to produce a meaningful and workable strategic plan in accordance with the National Higher Education Strategic Plan, Language Unit, under the Centre for Communication Skills and Entrepreneurship has taken the initiative to restructuring and upgrading the language curriculum for a better language teaching and learning.

Thus, the main objective of this workshop is to revise and restructure the current language curriculum. This not only includes a review on the courses being offered to the local students, but also take account of the current Intensive English course and preparatory program for international students.



Ladies and gentlemen,

Presently, PKKK is offering six language courses at undergraduate level and three at diploma level. These courses include the two main language courses namely English, and Bahasa Melayu and four foreign languages as option; Japanese, Mandarin, German and Arabic. In future, we are planning to incorporate French as another foreign language course offered by PKKK.

A major review of the curricular will be allied to the language courses offered, syllabus components, Course Outcome (CO) and Programme Outcome (PO) mapping to suit the diverse and ever-changing environment and demands that are more global now. However, the focal point will still be in line with the university's vision and mission to produce globally competitive graduates.

We want our students to acquire various competencies. Therefore, to become fluent in more than one language is inevitable in order to be globally competitive.

Hence, by remapping the language curriculum, it is hoped that the unit will be able to provide better quality of teaching and language learning and at the same time become one of the best international language centers in the northern region.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Rasanya setakat ini sahaja yang ingin saya sampaikan untuk halwa telinga anda semua. Sekali lagi saya mengharapkan agar semua yang hadir di sini dapat memanfaatkan dengan sebaik mungkin peluang yang ada untuk melaksana segala perancangan yang masih tertangguh.

Masa sudah semakin suntuk dan kita perlu pantas untuk memastikan UniMAP tidak ketinggalan dalam apa jua bidang sebaliknya terus melakar kejayaan yang lebih membanggakan.

Izinkan saya sudahi ucapan ini dengan rantaian pantun:

Bintang tujuh sinar berseri,  
Laman Purnama datang menerpa,  
Ajaran baik hendaklah dicari,  
Mana yang dapat janganlah dilupa.

Majlis gemilang harga jasa,  
Contoh kepimpinan kepada semua,  
Harapan dijunjung usaha dijaja  
Demi kejayaan wawasan negara.

Berpatah arang dari berundur,  
Segala kekusutan akan digempur,  
Bekerja bersama satu keluarga,  
Sejahtera kehidupan seluruh warga.

Sekian, Wassalamualaikum warahmatullahi Wabaraktuh.

Terima Kasih, Thank You. Salamat Po (Tagalog), Khob Khun  
Khab (Bahasa Thai)